



Headline: Ditipu 'Datuk Wazir', subkontraktor rugi RM40,000

Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)  
Date: 2 March 2021

Section: Iklan  
Page: 18

### **Ditipu 'Datuk Wazir', subkontraktor rugi RM40,000**

**MELAKA:** Seorang subkontraktor mengalami kerugian sebanyak RM40,000 setelah diperdaya sindiket Macau Scam menerusi panggilan telefon yang diterimanya minggu lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Supt E Sundra Rajan berkata, mangsa yang berusia 33 tahun itu telah dihubungi suspek pada Jumaat lepas yang menyamar kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LDHN) Cyberjaya mengatakan lelaki berkenaan mempunyai tunggakan cukai syarikat selama 15 bulan berjumlah RM38,000.

Katanya, walaupun mangsa menafikan perkara itu kerana tidak pernah mendaftar nama atas mana-mana syarikat, panggilannya kemudian disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Pahang dan telah bercakap dengan suspek yang mengaku sebagai Sarjan Shahrizal Mansor.

"Mangsa juga diberitahu bahawa dia telah terlibat dengan penggubahan wang haram serta kes dadah dan kemudiannya panggilan itu disambungkan kepada seorang pegawai berpangkat ACP Datuk Wazir.

"Datuk Wazir telah memberitahu mangsa jika dia tidak mahu dikenakan waran tangkap, dia perlu memberi kerjasama termasuk memberi semua maklumat peribadi dan nombor akaun bank untuk siasatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sundra Rajan berkata mangsa telah mengikut semua arahan suspek dan serta menyerahkan kod kebenaran transaksi (TAC) kepada Datuk Wazir.

Bagaimanapun katanya mangsa telah berasa curiga kemudian menyemak akaun banknya dan mendapati ada pindahan wang dari akaun banknya berjumlah RM40,000. — Bernama